

14/02/2001

Globalisasi pemikiran beri kesan terhadap masyarakat

PENYEBARAN ilmu dan maklumat, sama ada yang positif ataupun yang buruk melalui pelbagai saluran yang bersifat global tidak boleh ditahan atau disekat kerana ia umpama ombak besar yang sentiasa merempuh. Jika tidak bijak mengemudi diri menghadapi badai, dengah mudah anak bangsa tenggelam oleh pukulan ombak yang bertalu-talu. Bagaimanapun, untuk menangani kesan negatif yang timbul daripada perubahan ledakan maklumat, usaha perlu dibuat untuk menghadapinya bagi memastikan sebarang penyelewengan dan penyalahgunaan dapat dikurangkan ke tahap paling minimum. Ia tidak boleh dibendung melalui peraturan.

Apa yang boleh dilakukan untuk menghadapi pengaruh yang negatif hanyalah melalui pendekatan berlandaskan didikan etika dan moral. Pendekatan ini tidak akan berkesan sekiranya ia hanya dilakukan oleh sesebuah negara secara sendirian. Malah, ia perlu dilaksanakan sebagai acara global untuk dimanfaatkan oleh semua negara. Kedua-dua unsur yang berasaskan kerohanian ini boleh menjadi penampan kepada pengaruh penyelewengan ilmu dan maklumat untuk tujuan buruk - sama ada untuk menjayakan sesuatu agenda tersembunyi atau untuk menabur fitnah bagi mengaibkan pihak tertentu.

Perkembangan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) yang melanda di seluruh dunia ketika ini menyaksikan ICT yang sepatutnya digunakan untuk kebaikan sudah disalahgunakan bagi tujuan buruk, seperti menyebarkan bahan lucah, surat layang dan pelbagai tuduhan, tohmahan serta dakwaan yang bukan-bukan. Secara umumnya, mana-mana kepercayaan agama, baik Islam, Kristian, Hindu atau apa agama sekali pun memang melarang penganutnya melakukan perbuatan buruk dan keji yang boleh menyakiti orang lain. Namun, ramai yang tidak berpegang kepada ajaran murni dan baik dengan melakukan perbuatan yang bercanggah dengan kehendak agama.

Di Barat pula, dengan berpegang kepada konsep liberal, mereka mencanangkan soal kebebasan menurut perspektif mereka tanpa mengira sama ada ia beretika atau bermoral. Kebebasan bertopengkan liberalisasi atau globalisasi, memberikan mereka hak untuk mengambil kesempatan menekan atau menindas - syarikat besar menguasai syarikat kecil, orang kaya mengambil kesempatan ke atas orang miskin dan negara besar 'menelan' negara kecil, khususnya dalam soal ekonomi dan kewangan dengan menjadikan perdagangan bebas dan dana bantuan sebagai senjata bagi menguasai sesebuah negara. Selain menguasai ekonomi, Barat melalui neo-colonialisme dapat menjajah pemikiran pemimpin dan rakyat sesebuah negara, sekali gus menjadikan pemimpinnya sebagai 'kuda tunggangan'.

Spekulator matawang antarabangsa, George Soros, misalnya, memperlihatkan perlakuannya sebagai filantropis (penderma yang murah hati) selepas memperolehi keuntungan berlipat ganda melalui tindakannya yang membawa kepada runtuhnya ekonomi sesebuah negara hingga menjadikan rakyatnya papa kedana. Ini hanyalah untuk menyembunyikan kerakusannya yang berjaya mengumpul kekayaan tidak terhingga dalam sekelip mata. Hakikat daripada tindakannya menyerang mata wang Rupiah dan Baht, Indonesia dan Thailand sehingga kini tidak putus dilanda kemelut politik yang telah menjejaskan kestabilan negara dan ketenteraman rakyat masing-masing. Bagi membendung perlakuan seperti Soros pada masa depan, sewajarnya saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa etika dan moral diajar sebagai subjek wajib kepada semua, diberikan perhatian dan dibincangkan dengan lebih mendalam. Kita perlu akui, selain globalisasi perdagangan dan ekonomi, globalisasi pemikiran juga sesuatu yang membimbangkan kerana

kesannya yang amat besar terhadap masyarakat dunia.
(END)